

## Ancaman Penculikan untuk Tebusan di Pantai Timur Sabah

### Threat of Kidnapping for Ransom (KFR) on the East Coast of Sabah

ABDUL RASHID ABDUL HAMID & RAMLI DOLLAH

#### ABSTRAK

*Ancaman pelanunan di Malaysia khususnya di negeri Sabah bukanlah isu baharu kerana ia dapat ditelusuri sebelum terbentuknya Persekutuan Malaysia. Lanun-lanun yang digeruni ini dikenal pasti aktif melakukan jarahan dan serangan ke atas kapal-kapal pedagang di perairan Laut Sulu, Selat Melaka, Selat Singapura sehingga ke Teluk Bengal. Pembentukan Persekutuan Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat pada tahun 1963 yang menggabungkan tiga wilayah iaitu Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak bukanlah titik noktah kepada ancaman-ancaman pelanunan ini. Walau bagaimanapun, menjelang tahun 2000, ancaman yang suatu ketika dahulu hanya dianggap ancaman lanun, kini mulai dilihat berevolusi kepada ancaman berbentuk baharu iaitu ancaman Kidnapping for Ransom (KFR). KFR merupakan tindakan menculik individu atau kumpulan individu yang bermotifkan untuk mendapatkan wang tebusan dan kini kerap berlaku di perairan pantai timur negeri Sabah. Dalam menelusuri evolusi ancaman pelanunan kepada ancaman KFR yang berlaku di negeri Sabah semenjak tahun 2000, perbincangan dalam makalah ini akan memfokuskan kepada beberapa perkara iaitu pertama, sejarah pelanunan sebelum pembentukan Persekutuan Malaysia; kedua, perkembangan pelanunan selepas pembentukan Persekutuan Malaysia; dan yang terakhir, penulisan turut membincangkan kemunculan ancaman KFR menjelang tahun 2000. Artikel ini berhujah bahawa ancaman pelanunan dan KFR yang dihadapi oleh negeri Sabah menjelang 1980-an majoriti dilakukan oleh Kumpulan Abu Sayyaf (KAS). Apa yang dikenal pasti, kumpulan ini hanya mengubah bentuk serangan yang pada awalnya hanya bersifat serangan dan rompakan ke atas kapal laut mahupun penduduk di kawasan pesisir menjadi serangan yang lebih kompleks dengan kewujudan elemen penculikan untuk dijadikan tebusan. Selain itu, penulisan ini turut berhujah bahawa konflik yang berlaku di negara jiran Filipina merupakan antara indikasi utama yang menyebabkan ancaman pelanunan dan KFR terus berlaku di Sabah sehingga ke hari ini. Bagi menyiapkan makalah ini, penulis menggunakan metode penyelidikan kualitatif dengan pemerolehan data melalui teknik temu bual, kajian lapangan serta kajian kepustakaan yang turut di sokong oleh dokumen-dokumen rasmi daripada kerajaan sama ada pada peringkat negeri mahupun persekutuan.*

*Kata kunci: Pelanunan; Kidnapping for Ransom (KFR); keselamatan; Pantai Timur Sabah; Malaysia*

#### ABSTRACT

*The danger of piracy in Malaysia, especially in Sabah, is not a new one; it has existed since before the Federation of Malaysia was established. The horrifying pirates were deliberately involved in piracy and attacks on merchant ships all the way to the Bay of Bengal, in the seas of the Sulu Sea, the Straits of Malacca, and the Straits of Singapore. The establishment of Malaysia as a sovereign state in 1963, which brought together the three provinces of the Malay Peninsula, Sabah, and Sarawak, did not put an end to piracy threats in the area. By the year 2000, though, the crime that was once thought to be a pirate's threat had evolved into a different kind of threat known as kidnapping for ransom (KFR). KFR is a ransom kidnapping of persons or groups of people that has become increasingly popular in Sabah's east coast waters. The development of piracy to the KFR threat in eastern Sabah after 2000 is divided into three parts: first, the past of piracy prior to the establishment of the Federation of Malaysia; second, piracy in eastern Sabah between 1963 and 1999; and third, the advent of the KFR threat by the year 2000. Since the 1980s, the bulk of piracy and KFR attacks have been carried out by the Abu Sayyaf Group (ASG). The ASG is simply transforming the type of assaults, which were formerly only attacks and robberies on the sea as well as coastal communities, into something more complicated, with the addition of an abduction for ransom aspect. Furthermore, the article claims that tensions in the southern Philippines are one of the key signs that eastern Sabah is still dealing with piracy and the KFR challenge today. The writers use observational analysis approaches to collect evidence for this article, including interviewing techniques, field surveys, and library studies, many of which are backed up by official government records.*

*Keywords: Piracy; Kidnapping for Ransom (KFR); security; East Coast of Sabah; Malaysia*

## PENDAHULUAN

Sabah merupakan salah satu wilayah yang terletak di utara kepulauan Borneo. Sabah yang suatu ketika dahulu dikenali sebagai Borneo Utara merupakan wilayah yang dikuasai oleh dua kesultanan iaitu Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu. Lama sebelum kedatangan kuasa penjajah, masyarakat di Borneo Utara telah berdepan dengan serangan lanun yang majoritinya dilakukan oleh suku Illanun serta Balangingi. Penduduk Borneo Utara ketika itu menggambarkan pelanunan sebagai ancaman kepada penduduk di Borneo Utara khususnya mereka yang berada berhampiran dengan perairan Sulu dan Sulawesi. Kebanyakan penduduk Borneo Utara pada waktu itu khususnya suku kaum Dusun memilih penempatan yang jauh daripada kawasan yang terdedah kepada serangan lanun khususnya muara sungai dan pesisir pantai. Oleh itu, tidak keterlaluan sekiranya penulis mengatakan pelanunan bukanlah ancaman yang asing bagi penduduk di Sabah. Ancaman lanun ini terus berlanjutan setelah Sabah di kuasai oleh kolonial *British North Borneo Chartered Company* (BNBCC), kolonial Jepun dan kolonial British. Menjelang tahun 1963 melalui dasar pembebasan tanah jajahan oleh kuasa kolonial, Borneo Utara juga dilepaskan sebagai wilayah yang bebas pada 31 Ogos 1963 sebelum membentuk Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963. Walau bagaimanapun, pembentukan Persekutuan Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat bukanlah menjadi jaminan kepada negeri Sabah untuk bebas daripada ancaman pelanunan. Sehingga hari ini ancaman pelanunan ini masih berlaku malah menjadi semakin kompleks dengan bentuk ancaman yang baharu iaitu *Kidnapping for Ransom* (KFR). Dalam meneliti evolusi ancaman pelanunan dan *Mundu* kepada ancaman *Kidnapping for Ransom* (KFR), perbincangan dilakukan berdasarkan topik-topik kecil iaitu i) Ancaman Pelanunan Sebelum Pembentukan Persekutuan Malaysia, 1963; ii) Ancaman Lanun atau *Mundu*, 1963; dan akhir sekali iii) Ancaman KFR menjelang tahun 2000.

### ANCAMAN PELANUNAN SEBELUM PEMBENTUKAN PERSEKUTUAN MALAYSIA, 1773-1963

Aktiviti rompakan laut oleh kumpulan lanun ini sebenarnya telah lama wujud di Asia Tenggara. Menurut Pires (1944), kewujudan lanun di rantau Asia Tenggara ini dapat ditelusuri semenjak abad

ke-16 lagi iaitu melalui catatan Portugis. Kenyataan Pires ini disokong oleh Warren (2002) yang menyatakan aktiviti pelanunan di Asia Tenggara ini sudah sekian lama berlaku khususnya di perairan selatan Filipina dan Borneo yakni Laut Sulu dan Laut Sulawesi.

*The heartland of piracy in Southeast Asia has been considered for centuries to be in the waters around the southern Philippines and Borneo, especially the Sulu and Celebes seas.*

(Warren 2002: 20)

Berdasarkan kenyataan Pires (1944) dan Warren (2002) ini, jelas bahawa aktiviti pelanunan di Borneo Utara bukanlah perkara asing bagi penduduk di Sabah ketika itu. Aktiviti pelanunan yang berlaku di Sabah dikaitkan dengan perkembangan pelabuhan perdagangan yang masyhur di Borneo serta kemunculan Brunei sebagai pusat perdagangan melalui tulisan Pigafetta (Rutter 1922: 86-90). Menurut tulisan Pelayaran Abdullah "*Abdullah Voyage*" (1918), beliau turut menggambarkan kewujudan kumpulan lanun (Iranun) di perairan Pahang, Terengganu dan Kelantan yang dikuasai oleh lanun (Evan 1922: 256). Menurut beliau, kawasan yang dikuasai oleh kumpulan lanun ini bukan sahaja kawasan di sekitar Borneo Utara, Brunei, dan Sarawak malah, kapal-kapal lanun ini mampu berlayar sehingga ke Selat Melaka, Singapura, dan Teluk Bengal. Pergerakan kapal kumpulan lanun ini juga didorong oleh kekuatan angin monsun yang menolak mereka untuk berlayar. Walau bagaimanapun, kewujudan dan situasi sebenar aktiviti pelanunan di Borneo sebelum kedatangan kuasa kolonial tidak dapat diperincikan dengan lengkap kerana tidak ada penulisan awal yang benar-benar memfokuskan kepada aktiviti pelanunan di Borneo dan yang ada hanyalah tulisan-tulisan bersifat sepintas lalu (Tregonning 1958: 186). Menurut Tregonning (1958), perincian mengenai aktiviti pelanunan ini banyak dilakukan oleh James Brooke menjelang tahun 1842 melalui penjelajahan beliau di perairan Borneo. Menurut catatan beliau, aktiviti pelanunan tersebar luas di kawasan pantai timur yang dikuasai oleh orang-orang Illanun dan Balangingi. Terdapat beberapa kawasan di Sabah yang dikenal pasti menjadi titik fokus apabila isu pelanunan di Sabah dibincangkan iaitu kawasan Sungai Kinabatangan, Pandasan, Tempasuk, kawasan persisiran Teluk Marudu, Tungku dan Semenanjung Unsang (Wright 1977: 212; Tregonning 1958: 17). Kapal-kapal lanun ini menghala ke hulu dan hilir serta menyerang apa-apa

sahaja kapal yang ada di hadapan mereka sama ada kapal penduduk tempatan mahupun kapal milik pedagang Eropah (Evan 1922: 255-261). Bukan itu sahaja, mereka juga akan menyerang perkampungan yang dilalui khususnya perkampungan yang dilihat tidak memiliki kawalan keselamatan yang ketat.

Kesinoniman wilayah Sulu-Mindanao dengan aktiviti pelanunan di Asia Tenggara semenjak abad ke-16 khususnya di kepulauan Borneo sering dikaitkan dengan dua suku utama iaitu suku Ilanun dan Balangingi. Suku Ilanun dikenal pasti berasal daripada kepulauan Mindanao khususnya di Balabagan dan Teluk Illana yang bertutur dalam Bahasa Maranao. Suku Ilanun yang juga dikenali sebagai Iranun, Iranon, Illanun atau Lanun merupakan kumpulan pemburu hamba yang sangat digeruni. Menjelang tahun 1760, bangsa Ilanun dan kegiatan pelanunan dilihat berkembang sehingga di kesan di Kepulauan Melayu (Warren 2002). Tempoh masa antara penghujung abad ke-18 sehingga dekad pertama abad ke-19 dikenali sebagai “Zaman Kegemilangan Ilanun”. Pada masa yang sama, suku Ilanun merupakan antara tiga etnik Muslim terbesar di Selatan Mindanao. Menurut Majul (1978) dalam tulisan beliau yang bertajuk “*Muslim in the Philippines*”, lanun yang paling handal dan digeruni adalah lanun daripada suku Ilanun. Kegiatan mereka adalah merompak dan menangkap golongan lelaki untuk dijadikan hamba kepada golongan pembesar di Sulu dan Brunei. Suku Ilanun memainkan peranan penting dalam pengembangan kuasa perdagangan dan politik Kesultanan Sulu melalui kepakaran dalam pelayaran, aktiviti pemburuan hamba sekali gus menjadi pembekal hamba kepada kesultanan tersebut. Menjelang tahun 1780-an, Kesultanan Sulu dapat mengembangkan penaklukan terhadap Borneo Utara khususnya aktiviti maritim melalui pimpinan dan kerjasama serta kesefahaman dengan suku Ilanun (Regina 2008: 15). Wujud hubungan timbal balas antara kedua pihak iaitu kumpulan Ilanun mendapat bekalan bahan komoditi manakala, Kesultanan Sulu mendapat bekalan hamba yang berterusan (Rutter 1922; Ramli 2004; Klein 2004; Abdul Rashid & Ramli 2020). Pelayaran untuk mendapatkan bekalan hamba meliputi kawasan Borneo, Laut China Selatan, Selat Melaka, Riau dan Teluk Bengal. Sasaran utama mereka adalah kumpulan nelayan, kapal dagang, perkampungan di pesisir laut mahupun sungai. Selain itu, mereka akan memburu di kawasan Teluk Makassar, Laut Banda di New Guinea dan Molukas di Pinggir Jawa.

Selain Ilanun, suku Balangingi turut terkenal dengan penglibatan mereka dalam aktiviti pelanunan

(Warren 1978). Suku Balangingi tergolong dalam kumpulan suku Bajau Sama yang tinggal dan menetap di Pulau Tongkil di utara Pulau Samales di Kepulauan Sulu. Sesetengah suku Balangingi ini telah berhijrah keluar dari Kepulauan Sulu dan menetap di Borneo Utara. Sebagai contoh, penempatan Balangingi di Telisai, Lahad Datu. Menjelang abad ke-19, kawasan penempatan ini dijadikan sebagai kawasan persinggahan mereka ketika melakukan pelayaran yang panjang dan melakukan aktiviti pemburuan hamba. Dalam pada itu, pekerjaan sebagai pemburu hamba ini diangkat sebagai sumber pendapatan mereka (Warren 1979: 228). Kegiatan pemburuan hamba dan pelanunan ini dilakukan bergantung pada pergerakan angin yang akan memberi pengaruh kepada pergerakan mereka. Hal ini kerana angin monsun pada bulan Mei sehingga November akan menolak kapal mereka ke Borneo Utara dan kembali ke kampung halaman antara bulan Januari sehingga Mac. Bagi memastikan keselamatan mereka dan untuk tujuan pertahanan, kapal Balangingi ini akan melalui kawasan berbakau dan berbatu agar mereka sukar diserang.

Walaupun, aktiviti pelanunan ini dikaitkan dengan sistem sosial suku Ilanun dan Balangingi, namun, penulis juga bersetuju dengan pendapat Warren (1975) bahawa kerancakan aktiviti pelanunan ini juga didorong oleh pergolakan antara penjajah Sepanyol dan komuniti Sulu. Aktiviti pelanunan ini dilihat sebagai tindak balas daripada perluasan kuasa penjajah<sup>1</sup>. Suku Ilanun<sup>2</sup> dan Balangingi<sup>3</sup> memusnahkan bandar-bandar di Filipina dan menjadikan mangsa tahanan perang mereka sebagai hamba. Mereka yang menjadi tawanan ini merupakan individu yang bukan sesuku dengan suku lanun (Taylor 1899: 24). Bagi mengelakkan aktiviti pelanunan semakin bermaharajalela, Kerajaan Sepanyol di Filipina kemudiannya telah melancarkan serangan ke atas wilayah Selatan Filipina pada 19 Ogos 1860 dengan menghantar 17 kapal perang. Tujuan serangan tersebut adalah untuk memusnahkan penempatan suku-suku lanun di Selatan Filipina. Serangan balas tersebut membawa kejayaan kepada Kerajaan Sepanyol untuk menguasai sebahagian kawasan kecil di Selatan Filipina (Taylor 1899: 24). Kemusnahan penempatan kumpulan lanun di wilayah selatan Filipina kemudiannya membawa kepada kerancakan aktiviti rompak laut. Pada masa yang sama, ia juga dimungkinkan lagi dengan kelemahan kuasa Kesultanan Brunei pada abad ke-19 (Wright 1970: 5).

Serangan demi serangan dilakukan oleh kumpulan lanun di perairan Borneo membawa kebimbangan kepada para pedagang Eropah yang menggunakan maritim sebagai laluan perdagangan. Melihat senario pelanunan yang mendesak ketika itu, pedagang Eropah mendesak agar kerajaan Britain mencari penyelesaian kepada masalah pelanunan di kepulauan Borneo untuk mewujudkan suasana perdagangan yang lebih baik khususnya perlindungan daripada lanun-lanun Ilanun dan Balangingi. Sebelum kedatangan *British North Borneo Chartered Company* (BNBCC) di Borneo Utara pada 1881, telah ada beberapa cubaan pedagang British untuk mendirikan penempatan di Borneo Utara yakni oleh Alexander Dalrymple melalui *East India Company* di Pulau Balambangan pada 1773 (Howard 1970: 68; Hamdan & Syahrin 2016: 282). Walau bagaimanapun, penempatan ini tidak mampu bertahan lama apabila ianya diserang oleh lanun pada tahun 1775 (Keppel 2009: 289; Tregonning 1954: 365). Semenjak itu, tidak ada sebarang usaha untuk mendirikan penempatan baru di Borneo Utara sehinggalah 1870-an. Selepas kedatangan *British North Borneo Company* (BNBC) pada 1881, pelbagai usaha dilakukan untuk membanteras aktiviti pelanunan ini. Menjelang tahun 1886, F.G Callaghan iaitu pegawai majistret di Lahad Datu terus diancam oleh serangan lanun dan serangan juga dilakukan terhadap kapal H.M.S Zephyr (Tregonning 1958: 191). Sebagai tindak balas kepada serangan tersebut, Treacher selaku Gabenor Borneo Utara telah melancarkan serangan terhadap tiga penempatan lanun di sekitar Pulau Omadal, Semporna pada tahun yang sama. Dalam serangan tersebut, 30 bot dan tiga kampung mengalami kemusnahan (CO 874/88). W. B Pryer yang merupakan ejen konsulat di Sandakan (1878) turut memberikan pandangan beliau mengenai kegiatan pelanunan yang berlaku di Borneo Utara ketika kedatangan awal BNBCC ke Borneo Utara. Menurut Pryer, Borneo Utara merupakan wilayah yang dikuasai oleh kumpulan lanun sehingga menghalang aktiviti perdagangan. Penduduk di wilayah tersebut juga berusaha untuk tinggal jauh ke kawasan pedalaman untuk mengelak daripada bertembung dengan kumpulan lanun. Menurut beliau lagi, ketika beliau tiba di Sandakan, hanya sebuah perkampungan kecil yang beliau temui dengan kedudukan yang terpencil dan jauh daripada laluan utama kerana laluan tersebut sering kali disekat oleh kumpulan lanun (SSA: Pryer to Governor, Labuan, 5 Jun 1880); (Tregonning 1965: 187).

Aktiviti pelanunan di Borneo Utara juga sebenarnya dikaitkan dengan amalan pemilikan hamba dalam kalangan masyarakat Borneo ketika itu. Lebih jelas lagi, tindakan berunsur keganasan seperti pelanunan, rompakan, jarahan<sup>4</sup> dan penculikan ini dikaitkan dengan pemilikan hamba dalam kalangan masyarakat Sulu dan Brunei. Amalan pemilikan hamba dilakukan melalui aktiviti pemburuan hamba semenjak abad ke-15 lagi. Mereka yang diculik oleh lanun akan dijadikan komoditi dagangan kepada para pembesar dan dijadikan hamba. Aktiviti perdagangan hamba ini berpusat di Pulau Gaya dan Tungku di Daerah Lahad Datu (Siti Aidah 2007). Malah, Sabah atau Borneo Utara merupakan kawasan pembekal utama bagi hamba ketika itu. Kebanyakan mereka yang ditangkap dan dijadikan hamba merupakan mereka yang bukan sesuku dengan lanun seperti Bugis, Banjar, Visaya dan lain-lain. Kegiatan perhambaan ini merupakan pengaruh daripada Kesultanan Sulu yang melihat hamba sebagai elemen yang penting dalam perkembangan politik dan ekonomi kesultanan. Bukan sahaja dijadikan orang suruhan, hamba juga dijadikan buruh yang ditugaskan untuk mengumpulkan hasil hutan dan hasil laut, membantu dalam pelayaran dan perdagangan (Ranjit Singh 2011: 100). Oleh itu, hamba dilihat sebagai lambang kepada kuasa dan pengaruh seseorang Datu<sup>5</sup> dalam struktur sosial Kesultanan Sulu. Lebih serius lagi, golongan hamba ini turut menganggap pekerjaan sebagai hamba lebih mudah dan menjamin kehidupan mereka. Hal ini dirumitkan lagi apabila penduduk (hamba) di Borneo Utara menganggap pekerjaan bergaji lebih hina daripada menjadi seorang hamba (CO 874/229).

Pada ketika itu, wujud percanggahan persepsi antara penduduk Borneo dengan masyarakat Eropah terhadap amalan perhambaan. Bagi penduduk Borneo amalan perhambaan merupakan sistem dan stratifikasi<sup>6</sup> sosial yang sebatu dalam kehidupan mereka. Namun, hal ini sebaliknya bagi masyarakat Eropah yang menganggap amalan perhambaan merupakan amalan masyarakat yang tidak bertamadun. Menyedari bahawa amalan perhambaan berkait rapat dengan amalan pelanunan, kerajaan British kemudiannya mengusulkan penghapusan amalan perhambaan di Borneo Utara sebagai syarat pemberian "*Royal Charter*"<sup>7</sup> kepada *British North Borneo Company* (BNBC) (CO. 874, M359/82). Menurut "*Royal Charter*", dalam perjanjian pemberian piagam No. 7;

*The Company shall to the best of its power discourage, and, as far as may be practicable, abolish by degrees, any system*



*of domestic servitude existing among the tribes of the coast or interior of Borneo; and no foreigner, whether European, Chinese, or other, shall be allowed to own slaves of any kind in the Company's territories.*

(SSA: British North Borneo Charter No. 7)

Keseriusan kuasa Eropah menghapuskan aktiviti pelanunan di kepulauan Borneo membawa kepada serangan tentera laut British ke atas Teluk Marudu yang menjadi kubu kuat lanun pada tahun 1845 dan kerajaan Sepanyol turut menyerang penempatan Balangingi di Selatan Filipina pada 1848. Serangan demi serangan yang dilakukan oleh kuasa Eropah ini menyebabkan banyak kematian, kemusnahan penempatan, tanaman dan memaksa suku Balangingi melarikan diri ke pulau-pulau sekitar. Walaupun penempatan mereka telah dimusnahkan dan suku Balangingi mengalami diaspora<sup>8</sup>, namun kerajaan Sepanyol terus memburu suku Balangingi ini dengan menghantar tentera Sepanyol menyerang Bukutua dan Pulau Tongkil (Keat Gin 2004: 630). Pada tahun 1851, tentera Sepanyol memusnahkan bandar Jolo dan Kesultanan Sulu. Selepas dua dekad (1878), kerajaan Sepanyol menubuhkan kubu di Jolo, Selatan Filipina yang dikenali sebagai *Picesa de Asturias* and *Torre dela Reina*. Selepas itu, mereka mula mengawal pergerakan kapal laut dengan memusnahkan semua kapal layar milik penduduk tempatan. Dengan ini, aktiviti pemburuan lanun dan pelanunan suku Balangingi menjadi kurang aktif buat sementara.

Walaupun *British North Borneo Chartered Company* (BNBCC) menjadi kerajaan sah yang mentadbir Borneo Utara menjelang 1881, namun BNBCC tidak dapat menghapuskan ancaman lanun di perairan Borneo Utara kepada angka sifar kerana aktiviti ini terus wujud sehingga penghujung abad ke-19 (Warren 2002: 379-384). Hal ini kerana BNBCC juga berhadapan dengan masalah kelemahan pentadbiran dan kewangan. Hanya selepas penyerahan Filipina kepada Amerika Syarikat oleh Sepanyol pada 1898 barulah aktiviti pelanunan ini dilihat mencatatkan penurunan yang mendadak. Penguasaan Amerika Syarikat di Filipina membawa pelbagai usaha dalam membasmi aktiviti pelanunan khususnya rondaan anti-lanun dan kempen mewujudkan keamanan. Hasilnya sebanyak 7,000 laras senapang dirampas di Selatan Filipina dan kawasan tersebut juga diletakkan di bawah pengawasan pasukan polis pada tahun 1901. Semenjak itu, aktiviti pelanunan oleh penduduk di Selatan Filipina dapat dikawal sekali gus mewujudkan suasana yang lebih selamat di perairan

sekitar khasnya di Borneo Utara. Keadaan ini terus kekal sehinggalah teretusnya perang Dunia Kedua pada 1941 (Stefan 2005: 3).

Selepas Perang Dunia ke-2 dan setelah Filipina mendapat kemerdekaan pada tahun 1946, pengawasan di Selatan Filipina menjadi longgar dan ia memberi peluang kepada kumpulan lanun kembali kepada aktiviti pelanunan. Pada masa yang sama, mereka juga memiliki senjata dan kapal yang lebih canggih yang merupakan tinggalan daripada kuasa Amerika (Kiefer 1972: 4). Menjelang 1949, kerajaan British di Borneo Utara menahan 33 orang lanun yang kemudiannya semua mereka dijatuhkan hukuman penjara antara lima ke tujuh tahun (FO 371/84337). Perkara ini dimaklumkan dalam sebuah surat yang dihantar oleh pegawai British di Manila kepada kerajaan di London. Pada masa yang sama, surat ini juga menyuarakan kebimbangan mengenai ancaman pelanunan yang dilakukan oleh penduduk di Selatan Filipina atau digelar sebagai penduduk Moro yang menjadikan kegiatan pelanunan sebagai jalan pintas dan dijadikan sumber pendapatan setelah Amerika Syarikat memberikan kemerdekaan kepada Filipina. Menurut kandungan surat tersebut, amalan pelanunan dijelaskan sebagai menjadi sebahagian dalam kehidupan penduduk Sulu. Inisiatif penubuhan pasukan konstabulari<sup>9</sup> dalam kalangan penduduk Filipina sedikit sebanyak membantu memperbaiki suasana di wilayah Sulu sehingga menjelang Perang Dunia Ke-2.

*“Piracy was the traditional means of livelihood of the Sulu Moros in the nineteenth century... With the advent of the Americans in the Philippines at the end of the century conditions improved considerably. A group of American officers organised the Philippine Constabulary which was very successful in maintaining law and order in Sulu up to the outbreak of war with Japan. But now the American officers are gone and the Philippine authorities have not hitherto shown themselves capable of maintaining the constabulary at its old standards. The result among the Moros is, I fear, that they are reverting to type and are again finding in piracy and smuggling an easy way of making a living”*

(FO 371/84337. British Legation in Manila to the Minister of State for Foreign Affairs, 24 July 1950)

Serangan demi serangan daripada lanun yang datang dari Selatan Filipina ini meningkatkan kebimbangan kerajaan British di Borneo Utara terhadap ancaman pelanunan. Oleh itu sebagai langkah tindak balas, satu pasukan polis marin ditubuhkan dalam membanteras serangan lanun ini<sup>10</sup>. Sepanjang 1954 sehingga 1958, pasukan polis marin ini berjaya mengawal serangan lanun di Borneo Utara. Dalam pada itu, penduduk di Selatan Filipina

juga mula terlibat dengan aktiviti “*Barter Trade*”. Komoditi yang sering dijadikan sebagai tukaran adalah kopra (isi kelapa yang telah dikeringkan) dari Filipina atau Indonesia untuk digantikan dengan barang keperluan asas di Borneo Utara seperti makanan, rokok dan pakaian. Walaupun dagangan tukar barang ini sebenarnya berjalan secara tidak sah khususnya komoditi yang tidak dibenarkan sebagai barang dagangan namun, kerajaan juga tidak mampu menghentikan aktiviti *Barter Trade* ketika itu. Sementara itu, kerajaan Filipina berhadapan dengan masalah sistem *Barter Trade* yang membawa kepada kerugian ekonomi. Menjelang 1959, Presiden Carlos Garcia memperkenalkan pengharaman eksport kopra ke Borneo Utara sekali gus menggantung sistem *Barter Trade* (Stefan 2005: 6). Kerajaan British di Borneo Utara bimbang terhadap kesan dasar kerajaan Filipina kerana dasar pengharaman eksport kopra ini membawa kepada peningkatan aktiviti serangan lanun ke atas kapal-kapal dagang. Menjelang 1959, kegiatan pelanun ini semakin rancak sehingga memaksa kerajaan British meminta bantuan daripada tentera laut British. Hasilnya, sepanjang November 1958 sehingga Oktober 1959, sebanyak 54 serangan lanun berjaya dipatahkan yang kebanyakannya berlaku di perairan Pantai Timur (Tawau)<sup>11</sup> (CO 1030/752). Walau bagaimanapun, angka yang dicatatkan ini mungkin dilihat lebih rendah jika dibandingkan dengan serangan sebenar yang berlaku disebabkan keengganan penduduk setempat membuat laporan kepada pihak kerajaan.

Majoriti serangan yang dilakukan ini berlaku antara bulan Mei dan Ogos 1959 yang juga dipengaruhi oleh keadaan monsun di perairan Sulu. Serangan juga kerap dilakukan di kawasan pantai timur Borneo Utara dan berhampiran dengan Pulau Siamil. Kumpulan lanun ini menggunakan bot kumpit dan lengkap bersenjata seperti senapang, pistol dan bom buatan (CO 1030/752). Kebanyakan mangsa serangan lanun ini terdiri daripada kapal dagang dan kargo daripada Sulawesi yang melalui Laut Celebes menuju ke Tawau. Kebanyakan mereka juga terlibat dengan aktiviti *Barter Trade* di wilayah sekitar khususnya Filipina, Indonesia dan Borneo Utara. Serangan terus rancak dan mencecah 97 kali serangan pada tahun 1961. Pada tahun 1962, berlaku penurunan angka serangan lanun iaitu 39 serangan dan daripada 39 serangan tersebut, sebanyak 20 serangan dicatatkan melibatkan serangan bersenjata. Serangan yang berlaku ini menjadi titik mula kepada memperlihatkan bahawa serangan lanun ini tidak lagi terikat kepada serangan maritim sebaiknya sudah

mula beralih ke kawasan daratan. Pelbagai usaha dilakukan dalam menghalang serangan lanun ini. Antaranya adalah usaha Kerajaan British di Borneo Utara meningkatkan rondaan pantai, membina menara tinjau, pembinaan pelabuhan di kawasan terbuka, memperbaiki radio telekomunikasi antara penempatan terpencil dan pondok polis. Selain itu, kubu tentera juga disediakan dan meningkatkan bilangan rondaan tentera laut. Namun, walaupun semua langkah ini telah dilakukan oleh kerajaan British di Borneo Utara ia tetap tidak mampu menghapuskan ancaman lanun ini sehinggalah Borneo Utara diberikan kemerdekaan pada tahun 1963 dan membentuk Malaysia pada 16 September 1963.

#### ANCAMAN LANUN ATAU *MUNDU* MENJELANG TAHUN 1963

Selepas tahun 1963, walaupun letak kedudukan Sabah yang dipisahkan oleh Laut China Selatan, ia tidak menghalang Sabah untuk membentuk sebuah negara yang merdeka. Sabah bersama-sama Tanah Melayu dan Sarawak membentuk Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963 (Abdul Rahman 2014: 98). Kedudukan Sabah yang berhampiran dengan negara bergolak khususnya Filipina menyebabkan Sabah menerima ancaman keselamatan berterusan daripada negara jiran Filipina khususnya ancaman pelanun. Menurut Berry (1997), mempertahankan integriti wilayah menjadi tumpuan kerajaan Malaysia memandangkan kedudukan geografi negeri Sabah yang hampir dengan Selatan Filipina. Menurut Wan Shawaluddin dan Ramli (2008), serangan lanun atau lebih dikenali sebagai *Mundu*<sup>12</sup> ini dilihat begitu serius di perairan negeri Sabah sebelum pembentukan Malaysia dan terus berlanjutan selepas pembentukan persekutuan Malaysia (Wan Shawaluddin & Ramli 2008: 52). Penggunaan konsep *Mundu* ini diutarakan oleh Ramli Dollah (2004) sebagai penjelasan kepada segala aktiviti pelanun, rompakan laut, dan penculikan yang dilakukan dengan menjadikan perairan dan pesisir pantai negeri Sabah sebagai sasaran lokasi dalam melakukan aktiviti mereka (lihat juga Abdul Rashid & Ramli 2020). Penggunaan konsep *Mundu* adalah untuk menggantikan konsep lanun menurut *United Nations Convention on the Law of the Sea* (UNCLOS) yang tidak dapat menerangkan situasi aktiviti lanun di Sabah. Menurut UNCLOS (1982), pelanun didefinisikan sebagai;

tindakan keganasan atau penahanan yang menyalahi undang-undang atau mana-mana tindakan penjarahan atau perampasan yang dilakukan untuk kepentingan sendiri terhadap awak-awak atau penumpang dalam kapal laut atau kapal udara persendirian dan dilakukan di laut lepas (*high seas*).

(UNCLOS (1982), dipetik dari Wan Shawaluddin & Ramli 2008: 52)

Berdasarkan definisi tersebut, sebarang aktiviti yang berunsurkan tindakan keganasan yang dilakukan di pelabuhan dan perairan sesebuah negara tidak akan dijustifikasikan sebagai aktiviti serangan lanun di bawah UNCLOS. Bentuk serangan yang dilakukan oleh kumpulan lanun di perairan Sabah ini walaupun dianggap sebagai aktiviti pelanunan oleh penduduk setempat. Namun, ia tidak dijustifikasikan sebagai pelanunan oleh undang-undang antarabangsa. Oleh itu, ancaman serangan maritim ini menjadi tanggungjawab sepenuhnya kepada negara penerima khususnya Sabah dalam konteks perbincangan ini. Oleh itu, dalam menjelaskan aktiviti berbentuk pelanunan di perairan negeri Sabah, Ramli (2004) mengangkat konsep *Mundu*. Konsep *Mundu* merujuk kepada segala bentuk aktiviti pelanunan, rompakan laut, penculikan mahupun apa juga bentuk jenayah yang dilakukan di perairan negara khususnya di negeri Sabah. Serangan *Mundu* di perairan negeri Sabah menimbulkan kebimbangan kepada penduduk negeri Sabah khususnya di kawasan Pantai Timur Sabah. *Mundu* sering melakukan serangan terhadap perkampungan yang terletak di pesisir pantai dan pulau-pulau yang bertujuan untuk mendapatkan bekalan makanan. Mereka dilengkapi dengan senjata tajam dan senjata api dan tidak teragak-agak bertindak membunuh orang awam.

Sepanjang tahun 1963 sehingga tahun 2000, terdapat beberapa serangan *Mundu* yang tidak dapat dilupakan oleh penduduk Sabah. Antaranya adalah serangan *Mundu* 1963 di Semporna, serangan *Mundu* 1979 di Lahad Datu, serangan *Mundu* 1980 di Semporna dan beberapa lagi yang akan dibincangkan kemudian. Serangan yang dilakukan pada tahun 1963 di Semporna bermotifkan rompakan terhadap seorang individu kaya yang dikenali sebagai Abdul Salam Othman (Ramli 2004: 177). Rompakan yang dilakukan oleh tujuh orang *Mundu* berpakaian celoreng diketuai oleh individu yang dikenali sebagai Datu Pukol (Ramli 2004: 177). Kumpulan ini dilengkapi dengan senapang jenis *Pump Gun*. Setelah menembak mati seorang penduduk kampung, kumpulan ini melarikan diri sebelum sempat melakukan rompakan. Hasil usaha gigih pihak polis, kumpulan *Mundu* berjaya dikesan

di Pulau Mataking sehingga membawa kepada penahanan seorang suspek dan yang selebihnya ditembak mati dalam pertempuran dengan pihak polis. Satu lagi insiden besar yang berlaku adalah insiden serangan terhadap bot penumpang ML Saleha<sup>13</sup> pada Oktober 1979. Bot yang dalam perjalanan dari Semporna ke Lahad Datu ini ditawan oleh sekumpulan *Mundu* dan memaksa bot tersebut menukar laluan ke Pulau Adal<sup>14</sup>. Serangan yang berlaku ini membawa kepada kematian tiga orang penumpang apabila ditembak oleh kumpulan *Mundu*, seorang wanita dirogol dan beberapa lagi penumpang yang lain mengalami kecederaan dan kemudiannya dibawa lari ke Filipina. Kesemua mangsa yang dilarikan kemudiannya diselamatkan oleh tentera Filipina.

Seterusnya, insiden yang berlaku pada Mac 1980 di Pulau Denawan juga antara insiden yang dilihat serius apabila kumpulan *Mundu* bertindak menyerang penduduk kampung yang sedang tidur. Akibat serangan ini, tujuh orang penduduk terbunuh dan 11 lagi cedera (Ramli 2004: 178). Pada tahun 1982, satu lagi serangan *Mundu* yang mana melibatkan rompakan dan pembunuhan penduduk kampung yang dipercayai bermotifkan balas dendam. Pada tahun 1983, sebuah perusahaan penternakan mutiara iaitu Syarikat KPC di Pulau Bohey Dulang, Semporna telah diserang sehingga menyebabkan kematian pengurus besar berbangsa Jepun iaitu H. Waki manakala pengurus (H. Horiguchi) dan penolong pengurus syarikat (K. Nagamasa) mengalami kecederaan. Serangan *Mundu* ini kemudiannya menjejaskan operasi syarikat sekali gus membawa kepada penutupan syarikat tersebut pada tahun 1985 (SSA: Memorandum and Articles of Association of North Borneo Fishing Company Limited). Selain itu, antara yang paling mengejutkan adalah serangan yang dilakukan di Bank Standard Chatered pada tahun 23 September 1985. Kumpulan *Mundu* yang terdiri daripada 26 orang bersenjatakan M1, M14, M-16, M60 dan M79 serta pelancar bom (*Grenade Launcher*) dan bom tangan. Serangan yang dilakukan oleh kumpulan *Mundu* ini dikatakan dirancang dengan sangat teliti malah mereka juga berpakaian seperti pasukan keselamatan iaitu Pasukan Polis Hutan (PPH). Orang awam yang menyaksikan pendaratan lanun di Jeti Ko-Nelayan bersebelahan Jeti Polis Marin tidak berasa curiga dengan kedatangan kumpulan *Mundu* ini memandangkan mereka mengenakan pakaian ala pasukan keselamatan dan mereka juga merasakan adalah kebiasaan Pasukan Polis Hutan (PPH) berambut panjang sedikit ketika baru balik



daripada operasi. Kesan daripada serangan tersebut, seramai 11 orang awam terbunuh dan kumpulan *Mundu* berjaya merompak sejumlah RM195,798.47 wang tunai daripada bank dan RM 5,225 daripada sebuah kedai emas (Ramli 2004: 178).

Manakala pada tahun 1996, terdapat tiga kes serangan *Mundu* yang menggemparkan berlaku di Semporna dan Tawau. Dua daripada kes tersebut berlaku di Semporna iaitu pada 10 Februari 1996 dan Mac 1996 (Caballero et al. 2006: 78). Serangan pertama yang berlaku pada 10 Februari 1996 merupakan rompakan yang menyasarkan sebuah kedai emas yang terletak di pekan Semporna. Serangan yang dilakukan adalah secara gerila dengan membentuk dua kumpulan berasingan yang bertujuan untuk mengalihkan perhatian pihak berkuasa. Kumpulan yang pertama melakukan serangan terlebih dahulu terhadap Balai Polis manakala kumpulan kedua melakukan serangan terhadap kedai emas. Melalui modus operandi yang diguna pakai oleh kumpulan *Mundu* ini, mereka berjaya melarikan barang kemas bernilai RM100,000 (Ramli 2004: 179). Walaupun, pihak berkuasa berjaya memberkas dua daripada ahli kumpulan *Mundu* tersebut, namun ahli kumpulan yang selebihnya berjaya membebaskan diri. Kejayaan insiden rompakan yang dilakukan pada bulan Februari 1996 telah membawa kepada sebuah lagi insiden serangan yang lebih besar pada Mac 1996. Insiden serangan yang kedua ini dilakukan antara 10-20 individu yang dilengkapi senjata api seperti M16, *Grenade Launcher* dan *US Carbine* dan bergerak dalam tiga kumpulan (Ramli 2004: 180). Kumpulan pertama melakukan serangan terhadap Ibu Pejabat Polis Daerah Semporna menggunakan *Grenade Launcher*, kumpulan kedua menyerang Balai Polis lama manakala kumpulan ketiga melakukan aktiviti rompakan di Kedai Emas Kim Poh. Serangan serentak yang dilakukan oleh kumpulan *Mundu* ini bertujuan untuk mengalihkan perhatian pihak berkuasa sekali gus memudahkan

kumpulan ketiga melakukan rompakan. Serangan yang dilakukan oleh kumpulan *Mundu* ini berjaya merompak kedai emas tersebut dengan jumlah rampasan RM 200,000.00 (Ramli 2004: 180). Bagi menyelamatkan diri daripada kepungan pihak berkuasa, salah seorang *Mundu* menjadikan sebuah keluarga di Kampung Air Semporna sebagai tebusan dan melarikan diri bersama hasil rompakan. Walaupun pihak polis dan anggota Pasukan Gerakan Am bertindak mengepung kawasan tersebut, namun kumpulan perompak berjaya meloloskan diri dengan melepaskan beberapa siri tembakan untuk menakutkan penduduk. Walau bagaimanapun, tidak berlaku sebarang kecederaan kepada mana-mana pihak.

Berbeza dengan dua rompakan yang berlaku di Semporna pada tahun yang sama. Serangan *Mundu* yang dilakukan di Tawau pada Julai 1996 ini dilihat kurang kemas daripada segi modus operandi mereka apabila hanya bergerak dengan satu kumpulan sahaja. Walaupun kumpulan *Mundu* tersebut berjaya merompak kedai emas dan melarikan barang kemas bernilai RM150,000, namun dengan bantuan daripada pasukan udara dan marin, kumpulan *Mundu* dengan mudah dapat di kesan dan berjaya ditembak mati. Dalam insiden ini, pihak polis berjaya menemui senjata yang digunakan oleh kumpulan *Mundu* yang terdiri daripada 1 pistol revolver bersama 5 butir peluru dalam chamber, 1 magazine berisi peluru 8 colt 45, 2 kelongsong *rocket launcher* (M203), 4 Kelongsong peluru *garrand*, 3 bilah parang dan 12 butir peluru. Beberapa jam kemudian, pihak polis juga berjaya mengesan lima lagi perompak yang dipercayai merupakan kumpulan *Mundu* yang sama. Bersama-sama penemuan lima suspek tersebut, pihak polis berjaya menemui senjata api jenis *garrand*, 4 peluru pelancar roket dan barang-barang kemas yang dirompak bernilai RM 150 ribu. Jadual 1 berikut merupakan bilangan kes serangan *Mundu* semenjak tahun 1991-1997.

JADUAL 1. Bilangan Kes Serangan *Mundu* 1991-1997

Tahun	Bilangan Kes
1991	35
1992	25
1993	53
1994	40
1995	72
1996	67
1997	19


Sumber: Diubahsuai daripada Ramli et al. 2003 dan Abdul Rashid & Ramli 2020



## ANCAMAN KFR MENJELANG TAHUN 2000

Insiden *Kidnapping for Ransom* (KFR) pertama pada tahun 2000 merupakan suatu kejutan kepada kerajaan dan rakyat Sabah kerana serangan-serangan *Mundu* yang dilakukan sebelum ini hanya semata-mata bermotifkan rompakan sama ada di atas laut mahupun di pesisir pantai. Insiden pembunuhan dalam serangan hanyalah bersifat terpencil dan hanya dilakukan dalam keadaan terpaksa. Insiden penculikan yang berlaku pada 23 April 2000 dan 11 September 2000 membuktikan berlakunya transisi modus operandi kumpulan *Mundu*. Ia tidak lagi semata-mata untuk tujuan rompakan sebaliknya menjadikan tindakan menculik untuk mendapatkan wang tebusan sebagai kegiatan perniagaan. Jika sebelum ini, gerak kerja serta motif *Mundu* cenderung kepada tindakan merompak namun menjelang tahun 2000, mereka tidak hanya melakukan rompakan sebaliknya turut menculik mangsa untuk dijadikan tebusan. Kumpulan *Mundu* ini menyedari bahawa ganjaran yang diperoleh melalui aktiviti KFR jauh lebih menguntungkan jika dibandingkan hasil aktiviti rompakan di atas laut

mahupun di kawasan pesisir. Hal ini terbukti apabila sejumlah 15 juta dollar Amerika dibayar kepada penculik oleh kerajaan Filipina bagi membebaskan kesemua 21 tawanan yang diculik pada 23 April 2000 di Pulau Sipadan, Semporna (Mandoza & Taylor 2010: 59). Rentetan daripada pemerolehan hasil yang menguntungkan ini, kegiatan KFR terus berlaku. Hasil wang tebusan yang diperoleh tersebut akan diagihkan kepada ahli-ahli kumpulan *Mundu* yang sama-sama melaksanakan operasi penculikan. Dalam sesetengah kes berlaku juga masalah pembahagian dalam jumlah wang tebusan yang diperoleh sehingga membawa kepada insiden penculikan yang baru. Dengan erti kata lain, kumpulan *Mundu* akan melakukan operasi penculikan baru untuk mendapatkan keuntungan yang lebih besar. Misalnya, perbalahan dalam pembahagian wang tebusan yang diperoleh daripada insiden KFR pertama di Pulau Sipadan membawa kepada insiden KFR kedua pada 11 September 2000 yang berlaku di Pulau Pandanan. Jika dilihat di dalam Rajah 1, sepanjang tahun 2000-2018, terdapat 25 insiden penculikan yang keseluruhannya berlaku di wilayah pantai timur, Sabah.



RAJAH 1. Bilangan Insiden & Bilangan Mangsa KFR, 200-2018  
 Sumber: ESSCOM 2019; Abuza 2005; Ramli et al. 2016; McCabe 2018; East 2018.

Berdasarkan rajah tersebut, jelas bahawa insiden KFR berlaku hampir setiap tahun semenjak insiden pertama pada tahun 2000 sehingga tahun 2005. Walau bagaimanapun, tidak ada insiden KFR yang berlaku sepanjang tahun 2006 sehingga 2009 yang dipercayai berpunca daripada kawalan ketat pasukan keselamatan ke atas sempadan perairan

Pantai Timur Sabah di samping kerjasama antara kerajaan Malaysia bersama Filipina yang lebih rapat. Menjelang tahun 2010, negara sekali lagi dikejutkan dengan insiden KFR dan ia berterusan sehingga tahun 2018. Tahun 2016 mencatatkan insiden KFR paling tinggi iaitu sebanyak 23 insiden diikuti oleh tahun 2014 sebanyak 3 kes. Terdapat pelbagai

faktor yang menyebabkan mengapa ancaman KFR ini terus berlaku di wilayah pantai timur Sabah sehingga ke hari ini. Ia bukan sahaja disebabkan oleh faktor luaran yang menolak malah ia turut dimungkinkan lagi dengan faktor dalaman. Antara faktor luaran yang dikenal pasti adalah dikaitkan dengan ketidakstabilan wilayah selatan Filipina yang memberi tempas kepada negeri Sabah. Selain faktor luaran ini, ia turut dimungkinkan lagi oleh faktor dalaman seperti kedudukan negeri Sabah yang hampir dengan Selatan Filipina, bentuk muka bumi Pantai Timur Sabah, lambakan migran yang menjadi dalang kumpulan KFR serta faktor tarikan wang tebusan yang lumayan.

### KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, ancaman pelanunan di Sabah bukanlah isu baharu kepada masyarakat di Sabah khususnya masyarakat di Pantai Timur. Ancaman ini sebenarnya telah wujud di kepulauan Borneo semenjak abad ke-16 lagi malah mungkin wujud lebih awal lagi namun tidak ada sumber bertulis yang diperolehi. Penelusuran awal mengenai serangan lanun atau *Mundu* hanya dapat dilakukan setelah adanya kedatangan kuasa kolonial melalui catatan-catatan mereka. Terdapat dua suku utama yang dikaitkan dengan aktiviti lanun sebelum pembentukan Persekutuan Malaysia iaitu suku Illanun dan suku Balangingi. Kedua-dua suku ini begitu digeruni oleh pedagang yang bukan sahaja di kawasan maritim sekitar kepulauan Borneo tetapi juga mencecah wilayah Selat Banda, Teluk Makassar dan Teluk Bengal. Walau bagaimanapun, selepas pembentukan Persekutuan Malaysia, serangan *Mundu* tidak lagi kaitkan dengan suku-suku tertentu sebaliknya *Mundu* menjadi sinonim dengan penduduk di wilayah Selatan Filipina. Daripada aspek serangan, bentuk objektif serangan yang dilakukan oleh lanun sebelum 1942 dan selepas 1950-an mulai memperlihatkan perubahan. Sebelum tahun 1942, aktiviti pelanunan bukan sahaja dikaitkan dengan aktiviti jarahan tetapi turut dikaitkan dengan aktiviti perhambaan yang dilihat menjadi salah satu tujuan serangan lanun dilakukan. Namun menjelang tahun 1950-an sehingga tahun 1999, aktiviti *Mundu* dilakukan dengan tujuan merompak nelayan serta perkampungan di pesisir pantai. *Mundu* dilengkapi senjata api dan serangan yang dilakukan oleh mereka ini menyebabkan insiden pembunuhan. Walaupun pelbagai usaha dilakukan untuk menghapuskan ancaman pelanunan di Borneo

Utara ini, namun ia terus berlaku sehinggalah ke hari ini dengan konsep yang baru iaitu "*Kidnapping for Ransom*" (KFR). Menjelang tahun 2000, corak serangan yang dilakukan oleh kumpulan ini lebih cenderung kepada tindakan penculikan dengan motif untuk mendapatkan wang tebusan. Apa yang penulis dapat simpulkan adalah, apa juga tujuan dan modus operandi yang digunakan, ancaman pelanunan ini mengalami evolusi bukan sahaja daripada aspek motivasi ancaman malah melibatkan modus operandi iaitu daripada ancaman pelanunan atau *Mundu* kepada ancaman KFR yang dihadapi oleh negeri Sabah.

### PENGHARGAAN

Kajian ini adalah sebahagian daripada tesis PhD penulis. Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kepada ESSCOM, PDRM, ATM, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan semua pihak yang menjayakan kajian ini. Sekalung penghargaan kepada UMS atas pemberian Geran SDN013-2019 yang memperuntukkan sedikit bantuan kewangan untuk kajian ini.

### NOTA

1. Sepanjang tahun 1521 sehingga 1898, masyarakat Sulu berhadapan dengan kuasa kolonial Sepanyol.
2. Suku "Ilanun" dikatakan berasal daripada Teluk Lanao yang terletak di Kepulauan Mindanao, Selatan Filipina. Selain "Illanun", mereka juga dikenali dengan Illanoons, Hilanoones, Oranon, Iranon Marano dan Irranun.
3. Suku Balangingi merupakan salah satu suku yang terdapat di Selatan Filipina. Majoriti suku Balangingi tinggal dan menetap di Pulau Tongkil di utara Pulau Samales di Kepulauan Sulu. Sesetengah suku Balangingi ini telah berhijrah keluar dari Kepulauan Sulu dan menetap di Borneo Utara.
4. Sesuatu yang dirampas. Contohnya barang-barang yang dirampas semasa peperangan.
5. "Datu" merupakan golongan pemerintah di dalam Kesultanan Sulu. Sebelum kedatangan kuasa kolonial, pentadbiran adalah berasaskan daerah-daerah kecil yang dikenali sebagai "*Barangay*". Golongan "Datu" merupakan ketua atau pentadbir sistem "*Barangay*" ini.
6. Pembahagian masyarakat kepada beberapa lapisan atau kelas yang berlainan, susun lapis masyarakat, pembahagian kepada atau pembentukan strata.
7. Merupakan satu dokumen rasmi (piagam) yang memberi kuasa kepada sebuah badan atau organisasi. Dalam konteks British North Borneo Company (BNBC), kerajaan British di London memberikan kuasa kepada BNBC untuk mentadbir Borneo Utara ketika itu.
8. Kelompok manusia yang pada asalnya tergolong dalam satu budaya yang sama telah tersebar di merata-rata tempat lain.

9. Ia merupakan pasukan polis yang ditubuhkan dengan merekrut anggota pasukan dalam kalangan penduduk setempat.
10. Acting Governor of North Borneo to the Secretary of State for the Colonies, 23 May 1957, FO 71/129539.
11. Governor of North Borneo to the Commissioner-General for the United Kingdom in South-East Asia, 13 November 1959, CO 1030/752. The original request for naval assistance was made by the Acting Chief Secretary [of the Government of North Borneo] to the Commander-in-Chief, Far East Station on 22 May 1959.
12. Merupakan perkataan Tausug yang ditakrifkan sebagai penjahat, perompak dan penyamun. Santos, 2010: 134.
13. Bot Penumpang ML Saleha Baru membawa 48 orang penumpang.
14. Pulau Adal terletak di perairan Semporna dan berhampiran dengan Pulau Timbun Mata.

### RUJUKAN

- Abdul Rahman Abdul Aziz. 2014. *Pembangunan 1960-an: Daripada kata-kata Tun Abdul Razak Hussein*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad.
- Abdul Rashid Abdul Hamid & Ramli Dollah. 2020. Dari 'Mundu' ke Penculikan Untuk Tebusan: Evolusi ancaman keselamatan maritim di Pantai Timur Sabah. *Jurnal Kinabalu* 26(1): 1-22
- Abuza, Z. 2005. *Balik-Terrorism: The Return of The Abu Sayyaf*. Carlisle: Strategic Studies Institute.
- Berry, Jr. W.E. 1997. *Threat Perceptions in the Philippines, Malaysia and Singapore*. Colorado: Institute for National Security Studies.
- C.O 874/229. Pryer to Treacher, 5 October 1881; Treacher to Chairman BNBC, 8 February 1882.
- Caballero-Anthony, M et al. 2006. *Non-Traditional Security in Asia: Dilemmas in Securitization*. Singapore: Nanyang Technological University.
- CO 1030/752. Governor of North Borneo to the Commissioner-General for the United Kingdom in South-East Asia, 13 November 1959. The original request for naval assistance was made by the Acting Chief Secretary [of the Government of North Borneo] to the Commander-in-Chief, Far East Station on 22 May 1959.
- CO 874/229. C.O 874/229. Treacher to the Chairman BNCC. 29 April 1882.
- CO 874/88. C.O 874/88. Extract from Governor Treacher's Report. 10th April, 1886.
- East, B. 2018. *21st Century Philippines Piracy: The Abu Sayyaf Adds a New Dimension to Terror*. United Kingdom: Cambridge Scholar Publishing.
- Evans, I.H.N. 1922. *Among Primitive Peoples in Borneo*. Singapore: Oxford University Press.
- FO 371/84337. British Legation in Manila to the Minister of State for Foreign Affairs, 24 July 1950.
- Fry, H.T. 1970. *Alexander Dalrymple (1737-1808) and the Expansion of British Trade*. United Kingdom: Routledge.
- Hamdan Aziz & Syahrin Said. 2016. Tuntutan Kesultanan Sulu terhadap Sabah: Sorotan dari perspektif sejarah dan perundangan. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 9(2): 279-294.
- Keat Gin, O. 2004. *Southeast Asia: A History Encyclopedia, from Angkor Wat to East Timor*. California: ABC-CLIO Inc.
- Keppel, H. 2009. *The Expedition to Borneo of H.M.S. Dido: 1843-1846*. Salzwasser Verlag GmbH.
- Kiefer, T.M. 1972. *The Tausug: Violence and Law in a Philippine Moslem Society*. New York: Holt, Rinehart, and Winston Inc.
- Klein, B. and Mackenthun, G. 2004. *Sea Changes: Historicizing the Ocean*. Hove, UK: Psychology Press.
- Majul, C. A. 1978. *Muslims in the Philippines*. Manila: St. Mary's Publishing.
- Mandoza, B.M & Taylor, V.M. 2010. *Challenges to Human Security in Complex Situations: The Case of Conflict in the Southern Philippines*. Australia: ADRRN Publication Series
- McCabe, R.C. 2018. *Modern Maritime Piracy: Genesis, Evolution and Responses*. New York: Routledge.
- MKN. 2019. Fail MKN: Taklimat Keselamatan ESSCOM Supt Yahaya Bin Bari, Pegawai Turus Koordinasi 1, ESSCOM, 25 Feb.
- Pires, T. 1944. *The Suma Oriental of Tome' Pires: An Account of East from the Red Sea to Japan*. London: Hakluyt Society.
- Ramli Dollah et al. 2016. Old Threats, new approach and national security in Malaysia: Issues and challenges in dealing with cross-border crime in East Coast of Sabah. *Mediterranean Journal of Social Sciences* 7(3): 178-186.
- Ramli Dollah. 2004. Lanun atau Mundu di Sabah. *Jati: Journal of Southeast Asia* 9: 171-188.
- Ramli et al. 2003. Pendatang Filipina di Sabah: Satu pemerhatian dari sudut keselamatan. *Jati: Journal of Southeast Asian Studies* 8(1): 217-240.
- Ranjit, D.S. 2011. *The Making of Sabah 1865-1941: The Dynamics of Indigenous Society*. Kota Kinabalu: The Author.
- Regina, L. 2008. *Federal-State Relations in Sabah, Malaysia: The Berjaya Administration, 1976-1985*. Singapore: ISEAS.
- Rutter, O. 1922. *British North Borneo: An Account of Its History, Resources and Native Tribes*. London: Constable & Co.
- Siti Aidah Lokin. 2007. *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- SSA: British North Borneo Charter No. 7.
- SSA: Memorandum and Articles of Association of North Borneo Fishing Company Limited.
- Stefan, E.A. 2005. The return of piracy: Decolonization and International Relations in a maritime border region (the Sulu Sea), 1959-63. Working papers in contemporary Asian studies; No. 15 Centre for East and South-East Asian Studies, Lund University.
- Taylor, J.W. 1899. *Facts About the Philippines*. San Francisco: Cunningham, Curtiss & Welch.
- Tregonning, K.G. 1954. American activity in North Borneo, 1865-1881. *Pacific Historical Review* 23(4): 357-372.
- Tregonning, K.G. 1958. *Under Chartered Company Rule North Borneo 1881-1946*. Singapore: University of Malaya Press.
- Tregonning, K.G. 1965. *A History of Modern Sabah*. Singapore: University Malaya Press.
- Wan Shawaluddin Wan Hassan & Ramli Dollah. 2008. Isu-isu keselamatan Sabah dan impak kepada Malaysia. *JATI: Journal of Southeast Asia* 13: 49-68.
- Warren, J.F. 1975. Trade, Raid, Slave: The Socio-Economic Patterns of the Sulu Zone, 1770-1898. Ph.D Thesis, Australian National University.
- Warren, J.F. 2002. *Iranun and Balangingi: Globalization, Maritime Raiding and the Birth of Ethnicity*. Singapore: Singapore University Press.

Warren, J.F. 1978. Who were the Balangingi Samal? Slave raiding and ethnogenesis in nineteenth-century Sulu. *The Journal of Asian Studies* 37(3): 477-190.

Warren, J.F. 1979. The Sulu Zone: Commerce and the evolution of a multi-ethnic polity, 1768-1898. *Archipel* 18: 223-229.

Wright, L.R. 1970. *The Origins of British Borneo*. Hong Kong: Hong Kong University Press.

Wright, L.R. 1977. The Lanun Pirate states of Borneo: Their relevance to Southeast Asia History. *Sabah Society Journal* 6(4): 207-218.

Abdul Rashid Abdul Hamid  
Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan  
Universiti Malaysia Sabah, UMS  
E-mel: arah81@gmail.com

Ramli Dollah  
Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan  
Universiti Malaysia Sabah, UMS  
E-mel: ramlid@ums.edu.my

Diserahkan: 15 November 2020  
Diterima: 22 April 2021